

18 OCT 2003

APEC-THAI/I

RAKYAT THAI HARGAI PERANAN DR MAHATHIR DALAM ASEAN

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 18 Okt (Bernama) -- Thailand melahirkan kekagumannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas sumbangan beliau dalam integrasi Asean.

Menteri Luar Thai Surakiart Sathirathai berkata melalui pemerhatian beliau, Dr Mahathir telah memberi sumbangan yang tidak terhingga kepada rantau ini sepanjang pimpinan beliau sebagai perdana menteri Malaysia selama 22 tahun.

Ini terutamanya jika dilihat pada sokongan padu Dr Mahathir dalam menjadikan Asean lebih kukuh, terutamanya Asean+3.

Asean terdiri daripada 10 negara sementara tiga anggota (+3 Asean) ialah China, Jepun dan Korea Selatan.

Dr Mahathir juga telah berjaya memperluaskan perkumpulan rantau Asia Tenggara dengan kemasukan ahli baru seperti Myanmar.

"Beliau memberi banyak sumbangan dalam proses integrasi," kata Surakiart dalam persidangan akhbar bersama dengan Menteri Perdagangan Thai Adisai Bodharamik pada akhir Mesyuarat Peringkat Menteri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini.

Sementara itu, Dr Mahathir akan tiba di sini esok bagi menghadiri persidangan tidak rasmi Ketua-ketua APEC.

Surakiart berkata memandangkan APEC akan menjadi acara antarabangsa terakhir dihadiri oleh Dr Mahathir sebelum persaraannya, beliau yakin yang Dr Mahathir akan memberi beberapa input penting pada mesyuarat itu. --

BERNAMA

AR TJK AA